UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI

UTM.03/10.12/3Jld.3(10) Tarikh : 27hb. Februari, 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2013

Dekan-Dekan Fakulti
Ketua-Ketua Bahagian
Pengarah Pusat/Institut
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum Wrt. Wbt.,

Y. Bhg. Dato' / Prof./ Tuan / Puan,

PANDUAN PENTADBIRAN KEWANGAN

1.0 **Tujuan**

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan penguatkuasaan dan memperjelaskan peraturan kewangan yang merangkumi perkara seperti berikut:-

1.1.1 Kadar maksimum sewa hotel atau mengikut kelayakan yang mana terendah untuk tujuan tugas rasmi/kursus bagi semua staf Universiti Teknologi Malaysia berdasarkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.2 Tahun 2013 .

1.1.2 Tuntutan Elaun Pemandu Bukan Pemandu yang dibaca bersama Pekeliling Perkhidmatan Bil 12/2007.

2.0 **Latarbelakang**

2.1 Universiti telah menerima pakai pekeliling-pekeliling kerajaan berhubung peraturan pembayaran dalam menjalankan tugas rasmi Universiti. Sejajar dengan perubahan dan keperluan semasa kadar sewa hotel bagi tujuan rasmi /kursus telah dikaji semula dan Pekeliling Pejabat Bendahari Bil.10 Tahun 2010 adalah berkaitan.

2.2 Selain daripada itu, terdapat keperluan bagi menjelaskan penguatkuasaan peraturan yang digunapakai Universiti berkenaan Elaun Pemandu Bukan Pemandu.

2.3 Oleh itu pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara diatas untuk memastikan urusan bayaran dan tuntutan staf berjalan lancar diperingkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan juga Pejabat Bendahari.

2.4 Peraturan-peraturan tambahan ini perlu dilaksanakan supaya keberkesanan pengurusan dan kawalan kewangan dapat ditingkatkan. Ia juga mengambilkira teguran pihak Audit serta aspek penjimatan dan perbelanjaan berhemat.

3.0 Kadar Maksimum Sewa Hotel Bagi Staf UTM untuk Tujuan Tugas Rasmi/Kursus

3.1 Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 2 Tahun 2013 bertarikh 16 Januari 2013. Kadar semakan semula tuntutan sewa hotel untuk tujuan rasmi/kursus dihadkan ke kadar maksimum sebanyak RM350.00 atau mengikut kelayakan staf mengikut gred, yang mana lebih rendah. Kadar tersebut tidak termasuk caj pentadbiran dan cukai kerajaan yang dikenakan.

3.2 Kelayakan staf mengikut gred adalah tertakluk kepada Peraturan/Pekeliling Perbendaharaan semasa yang diguna pakai oleh pihak Universiti.

4.0 Elaun Pemandu Bukan Pemandu

4.1 Tuntutan bagi elaun Pemandu Bukan Pemandu hanya di benarkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut (Para 3 Pekeliling Perkhidmatan Bil 12/2007) :-

4.1.1 Tugas hakiki pegawai bukan memandu kenderaan
4.1.2 Mempunyai lesen memandu kenderaan yang sah mengikut kategori kenderaan yang berkenaan.
4.1.3 Bagi pegawai yang diarahkan untuk memandu bot kerajaan, pegawai hendaklah mempunyai Perakuan Kekompetenan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia.
4.1.4 Diarahkan oleh Ketua Jabatan untuk memandu kenderaan Kerajaan bagi menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan
4.1.5 Memandu dan menguasai kenderaan berkenaan selama tidak kurang daripada 4 jam sehari.

4.2 Bagi tugas PAP (Pembantu Am Pejabat) yang sedia ada secara hakikinya memerlukan mereka untuk memandu, dan menikmati kemudahan penggunaan kenderaan dan kad inden Universiti. Perkara ini telah tidak menepati syarat seperti didalam para 4.1.1,

Justeru tuntutan elaun memandu bukan pemandu bagi PAP yang memandu sekitar dalam kampus UTM adalah tidak dibenarkan.

5.0 **Tarikh Kuatkuasa**

Panduan ini berkuatkuasa dari 1hb Januari 2013 sehingga pindaan dimaklumkan.

6.0 **Pembatalan**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Pejabat Bendahari Bil.10 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

7.0 **Peraturan**

Sehubungan dengan itu, kerjasama saudara sebagai Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) amat diharapkan untuk memastikan peraturan ini dihebahkan dan dipatuhi di PTJ masing-masing. Sila kembalikan surat pengesahan penerimaan Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2013 untuk simpanan dan rujukan Pejabat Bendahari.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Yang benar,

SHARIFAH ALWIAH BINTI SYED ALWI
Bendahari
☎: 07-553 0267
🖷 : 07-557 9887
http://ebendahari.utm.my/bendahari/

s.k. :
1) Y. Bhg. Naib Canselor
2) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
3) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
5) Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
6) Y. Bhg. Pengarah Kampus, UTM Kuala Lumpur
7) Timbalan Bendahari Kanan, UTM Kuala Lumpur
8) Ketua Bahagian Kewangan Pejabat Bendahari (Seksyen RMC)
9) Ketua Bahagian Kewangan Pejabat Bendahari (Zon B)
10) Ketua Bahagian Kewangan Pejabat Bendahari (Zon C)